

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MENAMBAH BAIKKAN  
BANTUAN IBU TUNGGAL**

**25 FEBRUARI 2015**

**OLEH,**

**JARINGAN RAKAN IBU TUNGGAL**

(Parti Sosialis Malaysia –PSM, Archdiocesan Office of Human Development-AOHD, Kuala Lumpur Selangor Chinese Assembly, Hall-KLSCAH, Persatuan Ibu Tunggal Spring, Persatuan Sahabat Wanita Selangor-PSWS, Sisters in Islam, IJ Sisters, Malaysia;)

Kami, Jaringan Rakan Ibu Tunggal yang menandatangani memorandum ini ingin meminta YB Datuk Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluraga dan Masyarakat untuk memberi perhatian yang serius kepada kesulitan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluraga dan Masyarakat dalam menangani isu ibu-ibu tunggal.

Mengikut Banci Penduduk dan Perumahan Tahun 2010, lebih daripada 830,000 keluarga di Malaysia diketuai oleh wanita. Ini merupakan lebih kurang 15% daripada bilangan keluarga di Malaysia. Ramai antara keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal menghadapi tekanan sosio-ekonomi yang amat serius.

Berhubung dengan isu ini, satu kajian rambang telah dijalankan oleh Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk memahami masalah ibu tunggal. Kajian tersebut memberikan tumpuan kepada ibu tunggal berpendidikan rendah yang berumur antara 31 tahun hingga 40 tahun dan mempunyai anak yang masih bersekolah. Antara punca mereka menjadi ibu tunggal adalah kerana suami meninggal dunia, sakit, menyalahguna dadah, berada di penjara, di pusat pemulihan, telah cerai, berpisah, kawin lain atau hilang diri.

### **----- Masalah-masalah yang dikenalpasti dalam kajian rambang**

#### **1. Pendapatan yang rendah**

Majority (90%) yang ditemuduga memperolehi pendapatan bulanan di bawah RM1000. Ibu tunggal yang berpendapatan bulanan di bawah RM1000 tidak mampu membekalkan keperluan asas, iaitu perumahan, makanan, pengangkutan dan persekolahan kepada anak-anak mereka. Makanan yang dihidangkan adalah tidak berzat dan tidak seimbang.

#### **2. Perumahan**

Pendapatan yang rendah tidak mencukupi untuk menampung sara hidup. Sewa rumah atau pembayaran balik pinjaman menelan sebahagian besar dari pendapatan bulanan. Antara mereka yang membeli rumah, tidak dapat membayar balik hutang. Akibatnya, rumah mereka dilelong. Ada juga ibu-tunggal yang terpaksa berpisah dengan menginap di rumah saudara- mara.

#### **3. Penjagaan kanak-kanak**

Perkhidmatan menjaga kanak-kanak ataupun “child care” amat susah diperolehi apabila ibu tunggal hendak ke kerja. Anak-anak mereka terbiar apabila balik dari sekolah kerana ibu terpaksa keluar rumah untuk kerja. Makanan tengah hari tidak dihidang pada mereka, dan tidak ada bimbingan untuk melakukan ‘homework’. Situasi tersebut menjelaskan masa depan anak-anak ibu tunggal dan akan meneruskan kitaran peminggiran dan kemiskinan ke generasi baru.

#### 4. Pengangkutan

Kos pengangkutan menelan sebahagian signifikan pendapatan yang rendah. Beban ibu tunggal meningkat dengan membayar kos pengangkutan, khususnya ke hospital, tempat kerja, juga untuk menghantar anak ke sekolah. Ada kawasan-kawasan yang tidak ada kemudahan pengangkutan awam. Ini memaksa ibu tunggal untuk mendapatkan perkidmatan kereta sewa.

#### 5. Kesihatan Ibu-tunggal

Kualiti kehidupan ibu-tunggal terjejas dari segi fizikal, sosio- emosi serta kerohanian. Ini turut mempengaruhi perkembangan kehidupan anak-anak mereka.

#### 6. Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Bantuan yang dihulurkan oleh JKM tidak mencukupi. Pada masa sekarang, bantuan kewangan maksimum adalah RM450 sekeluarga. JKM tidak memberi sebarang bantuan dari segi penginapan, penjagaan kanak-kanak ataupun pemakanan.

Proses(s) permohonan untuk bantuan JKM adalah rumit dan memakan masa yang lama (ada yang mengalami masa antara setahun hingga tujuh tahun), dari pengisian borang ke peringkat keputusan dibuat.

Ini adalah antara masalah-masalah kritikal yang kami mendapat tahu melalui kajian tersebut serta perbincangan. Maka, kami ingin mengesyorkan beberapa cadangan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluraga dan Masyarakat dalam menanggani masalah ibu-ibu tunggal.

#### ----- Cadangan kami adalah seperti berikut:

##### 1. Data-base Nasional

Kami menyeru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluraga dan Masyarakat untuk menyediakan satu database ibu tunggal di peringkat Nasional untuk menguruskan program yang sesuai bagi mereka. Satu kajian terperinci perlu dilakukan supaya maklumat mendalam dapat dikumpulkan dan seterusnya, pelan tindakan khusus untuk ibu-tunggal dapat dilaksanakan dengan kos pentadbiran yang terkawal.

##### 2. Sistem baucher

Ibu-ibu tunggal yang berpendapatan di bawah RM1500 dan mempunyai anak di bawah 18 tahun, harus diberi bantuan perumahan, pemakanan, penjagaan kanak-kanak dan pengangkutan. Satu kaedah untuk menyampaikan bantuan ini adalah dengan pakai sistem baucar, umpamanya:

- Baucar RM250 sebulan untuk membantu dalam kos sewa rumah; perlu ambil kira juga baucher untuk deposit 2 bulan serta deposit bekalan letrik dan air;

- Baucar untuk membeli makanan sebanyak RM100 sebulan untuk tiap satu orang anak di bawah 18 tahun untuk jangka masa tertentu;
- Baucar RM150 sebulan untuk setiap anak berumur 4 tahun hingga enam tahun untuk kehadiran pra sekolah komuniti yang berkualiti;
- Baucar RM150 sebulan untuk setiap anak di bawah umur 10 tahun untuk memperolehi penjagaan kanak-kanak;
- Baucar untuk pembelian pakaian dan kasut untuk ke sekolah

### 3. Pengangkutan

Perkhidmatan pengangkutan percuma dengan penggunaan pass (saperti untuk pelajar) untuk ibu-tunggal yang mempunyai anak-anak di bawah 18 tahun.

### 4. Perumahan

Ibu-tunggal juga harus diberi subsidi untuk pembelian rumah kos rendah pada harga terkawal. Lokasi rumah-rumah ini harus di kawasan perumahan yang sedia ada.

### 5. Jabatan Kebajikan Masyarakat

- perlu menguruskan pegawai kaunselor untuk melawat ke rumah ibu-ibu tunggal mengikut kriteria tertentu dan untuk mengambil tahu masalah yang dihadapi;
- Ibu-tunggal dan anak-anak mereka perlu juga kaunselling. Ramai diantara ibu-ibu tunggal adalah daripada kumpulan terpinggir dan tidak mempunyai kemahiran untuk menguruskan keluarga mereka dengan sempurna.
- JKM harus meninjau keberkesanan program-program pemulihan di penjara dan pusat tahanan dadah supaya suami mereka dapat kembali ke pangkalan jalan.
- JKM harus proaktif dan melawat semua keluarga di mana suami telah dipenjarakan ataupun dihantar ke Pusat Tahanan Dadah untuk mengenalpasti keluarga-keluarga yang memerlukan bantuan.

### 6. Program Latihan

Latihan kemahiran dan dana untuk perniagaan harus disediakan untuk ibu-tunggal.

### 7. Skim Insuran

Dana harus disediakan untuk skim insurans bagi ibu- tunggal.

Kanak-kanak daripada keluarga ibu tunggal harus diberi perhatian dan sokongan supaya dapat mengelak kemungkinan tercicir dan menjadi mangsa pengaruh negative. Tidak wajar mereka dihukum atas kesalahan bapa mereka

Kami harap YB Menteri memandang isu-isu yang kami bawa dalam memo ini dan mengambil langkah yang sepatutnya. Kami juga sedia untuk berbincang lebih lanjut tentang syor-syor yang dikemukakan oleh pihak kami.

**Memorandum ini disokong oleh:**

1. Parti Sosialis Malaysia
2. Jaringan Rakyat Tertindas
3. Archdiocesan Office of Human Development - AOHD
4. Kuala Lumpur dan Selangor Chinese Assembly Hall, Women Section
5. Persatuan Ibu Tunggal Spring
6. Persatuan Sahabat Wanita Selangor
7. Sisters in Islam
8. IJ Sisters, Malaysia
9. Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
10. Teoh Beng Hock Trust for Democracy endorses.
11. Women's Aid Organisation (WAO) endorses
12. Society of Saint Vincent De Paul, Selangor (SSVP Selangor)
13. PACOS trust
14. Centre for Orang Asli Concerns (COAC)